

China, Jepun rebut tender HSR

KUALA LUMPUR: China dan Jepun mengesahkan penyertaan dalam merebut tender antarabangsa bagi projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) Kuala Lumpur - Singapura.

Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Liow Tiong Iai berkata, setakat ini dua negara berkenaan mengesahkan penyertaan mereka bagi mendapatkan tender projek bernilai RM60 bilion itu.

"Tender antarabangsa untuk projek sejauh 350km yang menghubungkan Kuala Lumpur dan Singapura itu akan ditutup pada 29 Jun nanti. Selepas itu, baru kita akan umumkan berapa banyak pihak yang menyertai tender berkenaan.

"Namun setakat ini, hanya Jepun dan China saja yang mengesahkan penyertaan dalam tender terbuka ini," katanya kepada media selepas perasmian Persidangan Padanan Perniagaan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Malaysia - China yang dirasmikan Duta China ke Malaysia, Bai Tian di sini, semalam.

Pada 20 Disember tahun lalu, syarikat Malaysia, MyHSR Corp Sdn Bhd dan syarikat Singapore, HSR Private Ltd mengumumkan kedua-dua pihak mula menerima bidaan untuk 'syarikat aset' yang akan bertanggungjawab terhadap rekaan, pembinaan, pembiayaan, pelaksanaan dan penyelenggaraan semua aset landasan.

Pembida perlu menyerahkan kertas kerja kepada MyHSR Corp, unit di bawah Kementerian Kewangan yang ditugaskan memantau kelancaran projek berkenaan.

MyHSR Corp Sdn Bhd dan HSR Private Ltd sebelum ini dilaporkan akan memilih pembida yang layak menjelang akhir 2018.

SUMBER: HARIAN METRO | M/S: 66 | 6 FEBRUARI 2018